



Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1

Tarikh : 24 Mei 2021

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.5/2021**

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**COVID-19: PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DIPERKETATKAN
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (KAMPUS BANGI DAN KAMPUS KUALA LUMPUR)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan keputusan pihak Kerajaan melalui Sidang Media Khas Menteri Kanan Pertahanan bersama Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia pada 22 Mei 2021 yang telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Diperketatkan di seluruh negara bermula 25 Mei 2021, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melaksanakan beberapa perubahan serta kawalan terhadap aktiviti pengoperasian seperti perkara berikut:

i. PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN

- a. Operasi perkhidmatan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UKM merangkumi sektor Pengurusan dan Pentadbiran adalah diteruskan sepanjang PKP berlangsung dengan jumlah kehadiran staf secara fizikal pada tahap 20% setiap hari. Bagi Kumpulan Pelaksana, jumlah kehadiran maksimum perlulah ditentukan oleh Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan dengan kadar kehadiran fizikal pada tahap 20% daripada jumlah keseluruhan kakitangan. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pengoperasian perkhidmatan berjalan dengan lancar pada setiap hari bekerja, memutuskan sistem penggiliran tugas serta merangka jadual Bekerja Dari Rumah (BDR) mengikut ketetapan yang dibenarkan dengan mengambil kira kebajikan staf serta status risiko jangkitan Covid-19. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan semua kakitangan mematuhi Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR), Universiti Kebangsaan Malaysia selaras dengan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2021, yang boleh dirujuk melalui pautan: [url=https://www.ukm.my/pendaftar/wp-content/uploads/2021/02/Garis-Panduan-BDR-UKM.pdf](https://www.ukm.my/pendaftar/wp-content/uploads/2021/02/Garis-Panduan-BDR-UKM.pdf)



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/ 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- b. Semua kakitangan yang terlibat dalam perkhidmatan penting (essential services) seperti bahagian kewangan dan perolehan, perkhidmatan kesihatan dan sebagainya adalah dibenarkan beroperasi secara fizikal mengikut keperluan perkhidmatan tanpa tertakluk kepada had 20% jumlah kakitangan yang bertugas seperti sektor perkhidmatan yang lain. Ini merangkumi para petugas barisan hadapan (*frontliners*) dari PTJ yang berkenaan. Pekerja syarikat atau kontraktor luar bagi perkhidmatan berkeperluan penting sahaja adalah dibenarkan memasuki kawasan kampus dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat;
- c. Bagi kakitangan akademik dibenarkan hadir ke PTJ masing-masing secara fizikal sekiranya terdapat keperluan penting tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan.
- d. Semua aktiviti **SECARA BERSEMUKA** seperti mesyuarat/ kursus/ bengkel/ persidangan/ majlis rasmi/ majlis sosial adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan hendaklah dilaksanakan secara **DALAM TALIAN SEPENUHNYA**;
- e. Operasi perkhidmatan di Tadika Tunas UKM serta Makmal Pembelajaran Autisme, Fakulti Pendidikan adalah dibenarkan beroperasi tertakluk kepada arahan kementerian/ agensi berkaitan dan kesediaan pihak pengurusan sepanjang tempoh PKP dengan pematuhan SOP yang ketat;
- f. Perkhidmatan Ujian Saringan COVID-19 di Makmal Institut Perubatan Molekul (UMBI) adalah diteruskan sebagai membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- g. Pihak pengurusan Universiti telah bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi mengeluarkan “**SURAT KEBENARAN UNTUK BEKERJA BAGI KEPERLUAN BERTUGAS SECARA FIZIKAL SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**” dan;
- h. Borang *Health Declaration Form* (HDF) hendaklah diisi seperti amalan sebelum ini.
- i. Kakitangan yang didapati sengaja melanggar SOP yang ditetapkan dan gagal mematuhi Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas. Ketua PTJ diminta melaporkan sebarang ketidakpatuhan serta kesalahan berkaitan kepada Unit Integriti, UKM.

ii. AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

- a. Pelajar yang telah berada di kampus boleh terus kekal di kampus untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Bagi pelajar lain, pembelajaran bagi semua program pengajian diteruskan dari rumah secara dalam talian sehingga tamat tempoh PKP ini;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- b. Peperiksaan antarabangsa dan Badan Profesional adalah dibenarkan dijalankan di kampus;
- c. Pelajar-pelajar berkeperluan seperti latihan klinikal, peperiksaan profesional, makmal, studio, amali atau akses *internet* dan seumpamanya adalah dibenarkan. “**SURAT KEBENARAN KELUAR/MASUK KAMPUS**” akan dikeluarkan oleh pihak Ketua PTj masing-masing bagi membolehkan pelajar yang berkeperluan hadir secara fizikal bagi tujuan ini; dan
- d. Semua aktiviti yang mendapat kebenaran untuk dilaksanakan secara fizikal hendaklah mematuhi SOP yang ketat sepertimana yang disediakan oleh PTJ masing-masing. Pihak Fakulti/ Institut/ Pusat Akademik adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan kepatuhan kepada SOP yang disediakan.
- e. Tindakan tatatertib serta denda boleh dikenakan kepada pihak Fakulti/ Institut/ Pusat Akademik sekiranya gagal memastikan kepatuhan kepada SOP seperti yang telah digariskan. Individu yang didapati melanggar SOP yang ditetapkan juga akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas.

iii. HAL EHWAL PELAJAR (WARGANEGARA & BUKAN WARGANEGARA)

- a. Premis seperti kafeteria dalam kampus adalah dibuka. Walau bagaimanapun, hanya kaedah *take away* sahaja dibenarkan. Perkhidmatan penghantaran makanan melalui aplikasi dalam talian adalah **dibenarkan**; dan
- b. Pihak Universiti melalui Pusat Hal-Ehwal Pelajar akan sentiasa bersedia membantu dan memastikan keperluan serta kebajikan para pelajar terjamin. Sekiranya pelajar memerlukan bantuan kebajikan dan informasi semasa berkaitan pelajar, pegawai berikut boleh dihubungi:

Nama : Encik Asyraf Radzwan
 Jawatan : Penolong Pendaftar Kanan
 Pusat Hal-ehwal Pelajar
 E-mel : asyraf@ukm.edu.my
 No. Telefon : 012 - 9510714 / 03-8921 3147

iv. AKTIVITI PENYELIDIKAN

- a. Semua aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal adalah dibenarkan melalui surat kebenaran Ketua PTj dengan mengikut SOP yang ketat;
- b. Pelajar luar kampus yang menjalankan aktiviti penyelidikan hendaklah mendapatkan surat kebenaran keluar/masuk kampus daripada Ketua PTj masing-masing; dan



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- c. Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 (Versi 2.0) yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) sebelum ini boleh dirujuk melalui pautan: <https://research.ukm.my/pekeliling-2/>.

v. KESELAMATAN KAMPUS

- a. Warga kampus adalah dinasihatkan untuk menjaga keselamatan barangan peribadi dan alatan pejabat pada setiap masa dan memastikan semua premis berada di tahap keselamatan yang tinggi sebelum YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan meninggalkannya sepanjang tempoh PKP;
- b. Rondaan keselamatan akan dipertingkatkan dalam tempoh ini;
- c. Setiap individu yang masuk ke kampus adalah **WAJIB** mengemukakan surat kebenaran masuk kampus sekiranya diminta oleh mana-mana anggota keselamatan UKM;
- d. Penerima vaksin sepanjang tempoh PKP perlu mengemukakan bukti temujanji melalui aplikasi MySejahtera sekiranya diminta.

vi. AKTIVITI RIADAH, REKREASI DAN BUDAYA

- a. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan secara fizikal terhadap kepada jogging, berbasikal dan senaman sahaja adalah dibenarkan dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 meter. TIADA sebarang aktiviti sukan bergelanggang seperti futsal, bola speak dan squash dibenarkan.
- b. Pelajar adalah dilarang untuk berkumpul atau melakukan sebarang perbincangan dalam kumpulan yang besar melebihi lima (5) orang pelajar samada di Kolej Kediaman atau di Bangunan Fakulti/ Institut/Pusat.
- c. Pihak Kolej dan Fakulti/Institut/Pusat diminta untuk memastikan perkara ini dipatuhi oleh semua pelajar.
- d. Mana-mana pelajar yang didapati ingkar dalam mematuhi arahan ini akan dikenakan tindakan yang tegas termasuk pelaporan kepada pihak berkuasa atas kegagalan mematuhi perintah PKP dan dikenakan tindakan tatatertib.

vii. PELAKSANAAN SOLAT DI MASJID UKM

- a. Jumlah kehadiran jemaah bagi solat fardu dan Solat Jumaat di Masjid Universiti adalah dihadkan seramai 23 orang yang terdiri daripada ahli pengurusan Masjid sahaja.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- b. Jemaah dikehendaki mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- c. Individu yang tidak sihat atau mempunyai sebarang faktor risiko jangkitan COVID-19 adalah dilarang sama sekali melaksanakan solat di masjid.
- d. Pihak pengurusan Pusat Islam Universiti perlu memastikan jemaah mematuhi garis panduan lain yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM.

3. Untuk makluman, Bilik Gerakan COVID-19 UKM di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) akan beroperasi 24 jam. Sebarang pertanyaan dan bantuan, warga UKM boleh menghubungi:


- a. **Dr. Mohd Azman Abas**
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti di talian:
016-6654442; dan
- b. **Dr. Masdalina Azhari**
Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan Universiti di talian:
019-2645072

Pihak pengurusan Universiti berdoa agar semua pihak terus komited dan bertenang dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga UKM dan rakyat Negara ini terpelihara. Setiap warga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

"Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Era Norma Baharu"

Yang benar



PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- Timbalan Naib Cancellor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
- Pendaftar
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang
- Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh